

05 DEC 2000

MAHATHIR-WANG

M'SIA AKAN KELUAR SYILING EDARAN UNTUK NEGARA-NEGARA LAIN, KATA

MAHATHIR

SHAH ALAM, 5 Dis (Bernama) -- Malaysia akan mengilang syiling edaran dan yang lain seperti jongsong emas untuk beberapa negara sedang membangun dalam masa terdekat termasuk negara-negara di dalam Asean, Afrika dan anggota-anggota Pertubuhan persidangan Islam (OIC), Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata.

Beliau berkata bahawa sebilangan negara membangun tidak mempunyai kemudahan mengilang wang seperti Malaysia, dan oleh itu perlu membeli daripada negara-negara lain.

"Kita harap kita boleh memasarkan kemudahan ini kepada negara-negara lain, sekitar rantau ini dan di tempat-tempat lain ... bukan cuma jongsong emas tetapi duit-duit lain, syiling edaran. Kita boleh sama ada jual kepingan syiling (syiling tidak dikilang) sahaja atau kita boleh jual seluruh wang, yang telah dikilang," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian selepas melancarkan "The Royal Mint of Malaysia" (Kilang Wang Diraja Malaysia), syarikat kilang wang pertama negara, dan jongsong emas Malaysia yang pertama, di sini.

The Royal Mint of Malaysia ditubuhkan pada 1 Julai 2000 berikutan penswastaan kilang membuat wang oleh Bank Negara kepada Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd, sebuah syarikat milik Bumiputera sepenuhnya.

Jongsong emas itu, dinamakan Kijang Emas dikilang dalam bentuk duit syiling seberat satu aun, setengah aun dan suku aun dan akan dijual kepada orang ramai menjelang pertengahan Januari 2001.

Kijang Emas adalah jongsong emas pertama dikeluarkan oleh sebuah negara membangun dan setara dengan jongsong-jongsong emas "masyhur" lain yang dikilang seperti American Gold Eagle, Australian Kangaroo Nugget, Canadian Gold Maple Leaf dan British Britannia.

Dr Mahathir berkata bahawa seperti jongsong-jongsong emas yang dikeluarkan oleh negara-negara lain, jongsong Kijang Emas akan dipasarkan ke luar negeri dan berdasarkan kepada harga emas pasaran.

Sementara itu, pengarah urusan Royal Mint of Malaysia Datuk Megat Wahab Megat Abu Bakar berkata syarikat itu menjangka untuk mengilang syiling edaran untuk kira-kira enam negara asing menjelang tahun depan dan diharapkan mengembangkan bilangan itu di masa akan datang.

"Kami kini sedang berunding dengan negara-negara ini dan ia termasuk beberapa negara Asean dan negara-negara Afrika yang tidak mempunyai kilang wang," beliau memberitahu pemberita.

The Royal Mint of Malaysia dikuasai oleh Megat Wahab dan isterinya yang juga memiliki Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd.

Megat Wahab berkata kilang wang kedua syarikat itu di Titi Gantung, Perak dijangka siap menjelang akhir tahun depan dan dengan kemudahan tambahan itu, Malaysia boleh mengilang lebih banyak syiling edaran untuk negara-negara lain.

Dibina pada harga lebih RM100 juta, kilang wang baru itu akan mempunyai keupayaan mengeluarkan kira-kira 2.0 bilion keping duit syiling pelbagai saiz setahun berbanding dengan 700 juta duit syiling di kilang sekarang di Shah Alam.

-- BERNAMA

MOT FR OS MA